

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
KAMPUS ANTARABANGSA LABUAN



KAMISAH Husin (lima dari kiri) dan Zaeem Mokhtar (enam dari kiri) bersama peserta Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMS-KAL di Labuan, baru-baru ini.

UM 16/02/2011/26

45 kakitangan universiti hadir program dua hari

# Bengkel Keselamatan UMS-KAL

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
utusanabah@utusan.com.my

**LABUAN** 15 Feb. – Isu keselamatan merupakan perkara utama yang sedaya upaya dititik beratkan oleh mana-mana pihak pengurusan syarikat atau jabatan pentadbiran.

Tidak mengira sama ada dari segi kebajikan pekerja, keselamatan peralatan atau keadaan sekeliling, ia menjadi perkara asas yang perlu diberi perhatian oleh majikan.

Bukan sahaja tidak mahu melihat perkara yang tidak diinginkan berlaku di tempat kerja dan menyedari kepentingan modal

insan yang dimiliki, penganjuran bengkel berhubung keselamatan dan kesihatan pekerja diadakan oleh Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin berkata, seramai 45 pegawai dan kakitangan UMS-KAL telah menghadiri Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang diadakan di kampus tersebut.

Katanya, bertempat di Bilik Seminar UMS-KAL, bengkel dua hari pada 8 dan 9 Februari lalu dianjurkan bagi meningkatkan tahap kesedaran berhubung keselamatan diri di kalangan kakitangan kampus

tersebut.

Menurutnya, kumpulan kakitangan tersebut terdiri daripada ketua bahagian dan Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UMS-KAL yang mewakili setiap bahagian di universiti itu.

“Bengkel selama dua hari tersebut telah dikendalikan oleh Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Cawangan Melaka, Muhammad Zaeem Mokhtar dan penganjurannya dilihat sangat memberi manfaat kepada semua,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Tambahnya, bengkel itu bertujuan untuk memberi penerangan dan penjelasan

mengenai akta keselamatan dan kesihatan serta peraturan berkaitan kepada kakitangan UMS-KAL.

Jelasnya, dengan adanya penganjuran bengkel seumpama itu, ia dapat menggalakkan kakitangan untuk memberi ketutamaan kepada faktor keselamatan ketika berkerja, sekali gus mengelakkan diri daripada ditimpa kecelakaan.

“Saya berharap pegawai dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan memahami peranan masing-masing demi untuk keselamatan dan kesihatan kakitangan, pelajar, kontraktor dan pelanggan yang berurusan di UMS-KAL,” katanya.